



Rimbunan Cendekia himpun 20 UA dalam penghijauan kampus

Naib Canselor seluruh Universiti Awam (UA) di Malaysia berhimpun pada 25 Ogos 2016 yang lalu di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor UA (JKNC) Bil.3/2 Tahun 2016 yang berlangsung di UMP Pekan sebagai tuan rumah pada penganjuran kali ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berbesar hati menerima kunjungan 20 Naib Canselor UA, wakil Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan pegawai-pegawai universiti dari seluruh Malaysia.

"Kunjungan tetamu istimewa kali ini memberi peluang mereka menyertai Royal Town Tour bagi menyaksikan keindahan sekitar Pekan Bandar Diraja dengan menyusuri Sungai Pahang selain menikmati

makanan yang terkenal dari negeri Pahang termasuk Puding Raja, Opor Daging, Martabak, Apam Balik Awang dan Tembosa Raja," katanya yang berucap semasa Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat JKNC yang berlangsung di Hotel Ancasa Royale Pekan bagi meraikan delegasi Naib Canselor.

Sebagai simbolik, sebanyak 30 pokok yang terdiri daripada Chengal, Meranti, Gaharu, Tualang dan Kelumpang Burung ditanam di laman Rimbunan Cendekia berdekatan Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak sebagai tanda ingatan dan penghijauan kampus.

Ianya melambangkan tanda penyatuan golongan cendekiawan dalam menyuburkan bidang pendidikan yang selari dengan semangat 'Soaring Upwards' yang merupakan slogan bagi KPT.

Dalam majlis ini juga, para delegasi UA

turut dijamu dengan durian Musang King dan lain-lain buah-buahan dalam *The Musang King Experience*.

Pada hari yang sama turut berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Mesyuarat Universiti Penyelidikan Malaysia (MRUN) yang berlangsung di Perpustakaan UMP.

Majlis dihadiri Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin merangkap Pengerusi JKNC, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dato' Sri Dr. Zaleha Kamarudin, Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Tan Sri. Profesor Dr. Mohd. Amin Jalaludin dan semua Naib Canselor UA.